

06/01/2003

Peralihan kuasa PM tidak jejas Umno

BEAUFORT: Peralihan kuasa selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bersara pada Oktober depan, tidak akan menjejaskan perpaduan dalam Umno, kata Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Lajim Ukin.

Beliau berkata, ini kerana peralihan kuasa adalah perkara tradisi dalam parti serta boleh berlaku pada sesiapa dan bila-bila masa saja, justeru dakwaan pembangkang ia memecahbelahkan perpaduan parti tidak benar.

Katanya, dakwaan pembangkang itu adalah gimik politik yang ingin mempengaruhi pemikiran pemimpin serta masyarakat berbilang kaum dan agama keseluruhannya.

"Saya yakin peralihan kuasa ini menjadikan parti semakin kuat seperti sewaktu peralihan kuasa berlaku ketika kepemimpinan Tun Hussein Onn. Kita dalam Umno ikut hierarki kepemimpinan dan semua harus akur," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas merasmikan Majlis Pemimpin Bersama Rakyat sempena sambutan Aidilfitri dan Krismas anjuran Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) cawangan Sabah, di sini.

Kenyataan itu dibuat bagi mengulas ramalan Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang bahawa peralihan kuasa Oktober depan akan memecahbelahkan Umno, sekali gus menjejaskan peluang parti pada pilihan raya akan datang.

Lajim yang juga Timbalan Ketua Menteri dan Ketua Umno Bahagian Beaufort, berkata dakwaan itu adalah tidak wajar kerana Umno adalah parti sentiasa kukuh dan tidak mudah terpengaruh.

Berikutan itu, katanya, ahli Umno dan rakyat negara ini perlu mengekalkan perpaduan serta mengelak daripada mudah terpengaruh dengan anasir luar yang tidak bertanggungjawab.

"Umno adalah parti yang sentiasa dominan dan tidak timbul soal kepemimpinan parti terjejas atau musnah kerana sedikit peralihan kuasa yang berlaku," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata, rakyat negara ini perlu terus memberi sokongan kepada Umno tidak kira siapa yang akan memimpin parti.

"Sebelum ini, Umno sudah membuktikan komitmennya kepada rakyat dan negara. Selain itu, Umno juga berjaya mengukuhkan perpaduan dan kestabilan sejagat," katanya.